

# 300 kanak-kanak sertai PM 27 Julai

UM 18 JUL 2002

**K**UALA LUMPUR 17 Julai — Seramai 300 kanak-kanak dari beberapa rumah kebajikan di Lembah Klang merupakan antara ribuan rakyat jelata yang bakal merasai kemeriahan program Sebuah Bangsa Kasih Semua — Sepetang Bersama Perdana Menteri di Bukit Jalil, 27 Julai ini.

Jurucakap penganjur program itu berkata, kanak-kanak tersebut terdiri daripada penghuni Pure Life Society, Shelter Homes, Rumah Faith, Rumah Ozanam, Rumah Kebajikan Ti Ratana dan Rumah Bakti.

“Selain menyediakan kemudahan pengangkutan dan memberi peluang kepada kanak-kanak ter-

sebut meluangkan masa bersama Perdana Menteri, kami juga telah membeli tiket cabutan bertuah bernilai RM2 untuk setiap kanak-kanak dan diharapkan ada antara mereka yang memenangi untuk dimanfaatkan oleh penghuni rumah kebajikan masing-masing,” jelasnya.

Menurut jurucakap itu lagi, cabutan bertuah tersebut adalah antara beberapa aktiviti yang akan diadakan sempena program itu iaitu satu pesta

muzik dan tarian yang memaparkan hiburan dan persembahan artis-artis terkenal tempatan, tarian kebudayaan dan perbarisan tatu.

“Kutipan daripada cabutan bertuah ini akan disumbangkan kepada badan-badan kebajikan dan antara hadiah menarik yang ditawarkan ialah sebuah kondominium di Bukit Jalil, dua buah kereta dan pilihan pelbagai barangan pengguna dan elektrik bernilai lebih RM350,000,” katanya.



Program secara percuma itu bertujuan memberi peluang kepada rakyat Malaysia dan keluarga masing-masing meluangkan petang pada 27 Julai ini untuk berhibur dan bergembira bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Malah, ia juga bertujuan menghimpunkan rakyat Malaysia pelbagai lapisan masyarakat untuk mengukuhkan perpaduan kaum.

Ia dianjurkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia, Persatuan Insurans Am Malaysia dan Persatuan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Kebangsaan Malaysia.